

Bukti PM tidak terlibat

UM 25 JUN 2001

KUALA LUMPUR 24 Jun — Keputusan MCA meluluskan pembelian akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* dalam Mesyuarat Agung Luar Biasanya (EGM) hari ini membuktikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak terlibat dalam pembelian akhbar itu.

Sehubungan itu, Pergerakan Pemuda UMNO meminta semua pihak menghormati keputusan tersebut dan sekali gus berhenti mengaitkan Perdana Menteri yang juga Presiden Barisan Nasional (BN) dalam kontroversi pembelian tersebut.

Penolong Setiausaha Pemuda, Zulkifli Alwi berkata, keputusan itu diharap dapat menamatkan isu yang sedikit sebanyak mengelirukan dalam konteks tanggapan rakyat terhadap MCA sebagai salah satu parti komponen BN.

Katanya, keputusan majoriti yang memihak kepada pengambilalihan itu adalah keputusan perwakilan MCA sendiri selepas memikirkannya secara mendalam.

“Saya berharap selepas ini tiada lagi pihak yang akan mempertikaikan atau mempersoalkan pendirian parti dan kerajaan lebih-lebih lagi mereka yang bermotif jahat dengan mengheret Perdana Menteri dalam kontroversi ini.

“Dengan keputusan ini, kita menganggap isu ini telah selesai dan semua pihak harus menumpukan perhatian kepada usaha berkhidmat kepada rakyat untuk mengembalikan sokongan kepada BN,” katanya kepada *Utusan* di sini, hari ini.

Sebanyak 1,176 perwakilan atau 53.3 peratus daripada 2,216 perwakilan yang menghadiri EGM yang diadakan di Wisma MCA di sini, mengundi untuk menyokong pembelian tersebut berbanding 1,019 perwakilan atau 46.2 peratus yang menentang.